



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Animal Science / Biological Sciences / Biology / Biomedical Sciences / Chemistry / Food Science / General Science / Laboratory Science / Laboratory Technology / Molecular Biology* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Animal Science / Biological Sciences / Biology / Biomedical Sciences / Chemistry / Food Science / General Science / Laboratory Science / Laboratory Technology / Molecular Biology* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

2. Berpengalaman dan berkemahiran dalam pemeriksaan dan penganalisaan makmal khususnya makmal veterinar.



3. Berkemahiran dan berkebolehan dalam merancang dan menyelaras projek, membuat pembentangan dan latihan, berkomunikasi dalam mesyuarat yang berhubung kait dengan industri ternakan.
4. Berkemahiran dalam penggunaan perisian statistik dalam membuat kertas kerja saintifik serta cadangan penambah baikan pengurusan makmal veterinar dan peningkatan program Jabatan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja pemeriksaan dan penganalisaan makmal veterinar;
2. Memastikan keperluan-keperluan sistem pengurusan dilaksana dan dasar kualiti makmal veterinar dipatuhi;
3. Bertanggungjawab ke atas penggunaan peralatan makmal dan menjalankan pemeliharaan peralatan makmal berkenaan serta mengurus peralatan makmal yang memerlukan kalibrasi;
4. Membantu Ketua Seksyen / Unit atau pegawai atasan dalam memajukan program dan aktiviti serta prosedur dan metodologi penganalisaan makmal veterinar;
5. Membantu Ketua Seksyen / Unit atau pegawai atasan dalam merancang dan menyelaras pelaksanaan serta memantau aktiviti harian, laporan aktiviti makmal dan projek;
6. Membantu Ketua Seksyen / Unit atau pegawai atasan dalam menyediakan perancangan dan menyelaras peruntukan makmal, merancang dan mengurus pembelian keperluan makmal dan seterusnya melaksanakan penilaian bagi pembelian berkenaan;
7. Bertanggungjawab memastikan kesempurnaan kajian / ujian makmal dengan mengawasi kawalan mutu (*quality control*);
8. Membantu Ketua Seksyen / Unit atau pegawai atasan dalam menyelaras implementasi pengiktirafan akreditasi makmal ISO / IEC 17025;
9. Bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi peningkatan makmal veterinar yang menjurus kepada peningkatan keluaran industri ternakan;



10. Membantu Ketua Seksyen / Unit atau pegawai atasan dalam mengendalikan latihan, kursus dan membimbing serta menunjuk ajar kakitangan makmal, penuntut yang sedang menjalani penempatan di makmal dan lain-lain;
11. Bertanggungjawab dalam merancang dan melaksana aktiviti projek tahunan berkaitan industri ternakan;
12. Menyediakan dan menghadapkan laporan penilaian prestasi kerja kakitangan di bawah jagaan;
13. Menyediakan laporan statistik dan membantu menyediakan laporan seperti Manual Prosedur Kerja (MPK), Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), laporan tahunan dan lain-lain; dan
14. Bersedia menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dan dipertanggungjawabkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.